



Tajuk : Malaysia Prihatin : Tanggungjawab kita sebagai rakyat Malaysia

Name : Eileen Mah Hui Shan

Student Id : 1201302169

Hari Kemerdekaan Malaysia pada tahun 2021 adalah bertemakan Malaysia Prihatin. Tahun ini merupakan tahun ke-64 Malaysia menyambut Hari Kemerdekaan. Sebagai rakyat Malaysia, saya percaya bahawa tahun 2021 adalah tahun yang amat mencabar bagi kita semua disebabkan pandemik covid-19 yang merebak di negara kita. Walaupun begitu, perasaan cinta akan negara tidak akan terjejas dalam apa jua keadaan kerana di mana ada kemahuan, di situ ada jalan. Kita masih dapat menyambut hari kemerdekaan dengan norma baharu secara atas talian melalui Google Meet, Zoom dan sebagainya. Hari Kemerdekaan adalah hari yang amat penting bagi seluruh rakyat Malaysia kerana ini melambangkan tanda penghargaan kita terhadap tokoh-tokoh perjuangan Malaysia. Seperti bekas Perdana Menteri Malaysia, Tun Dr. Mahathir Mohamad pernah berkata, 'Bangsa yang berjaya adalah bangsa yang rajin dan sanggup menghadapi cabaran hidup'. Maka, terbuktilah bahawa jika rakyat tidak mempunyai jati diri yang kukuh, kita mudah menjadi sasaran oleh kuasa Barat. Oleh itu, sebagai rakyat Malaysia, kita semua mempunyai tanggungjawab dalam mempertahankan kedaulatan negara kerana ibarat telur sesangkak, pecah sebiji, pecah semua.

Pertama, sebagai rakyat Malaysia yang bertanggungjawab, kita perlu memahami dan mengamalkan ideologi bangsa. Rukun Negara merupakan ideologi kebangsaan Malaysia. Rukun Negara telah dibentuk pada 31 Ogos 1970, iaitu satu tahun selepas tragedi 13 Mei 1969 yang telah menghancurkan perpaduan negara. Objektif Rukun Negara adalah memberi pendedahan kepada generasi muda agar dapat menghayati prinsip Rukun Negara, menyemarakkan semangat patriotisme dalam diri dan membentuk keperibadian sebagai satu bangsa Malaysia yang bersatu padu serta membentuk sikap liberal terhadap tradisi kebudayaan yang berbagai-bagai corak. Rukun Negara telah

menekankan lima prinsip utama yang terdiri daripada kepercayaan kepada tuhan, kesetiaan kepada raja dan negara, keluhuran perlembagaan, kedaulatan undang-undang serta kesopanan dan kesusilaan. Sebagai rakyat Malaysia yang bertanggungjawab, kita mengamalkan proses penjiwaan dengan kaedah doktrinasi supaya Rukun Negara tidak dibudayakan dengan longgar oleh rakyat dan juga pentadbir negara. Mutakhir ini, setiap rakyat Malaysia berperanan mengamalkan lima prinsip Rukun Negara agar orang sekelilingnya terpengaruh dan turut mengamalkan prinsip tersebut. Keharmonian negara bergantung kepada masyarakat yang berdisiplin tinggi dan cinta akan negara.

Selain itu, rakyat haruslah menjalin perpaduan yang erat antara satu sama lain. Walaupun rakyat di Malaysia berbilang bangsa dan kaum serta mempunyai kepercayaan dan pegangan agama yang berbeza, namun kita dapat hidup dengan harmoni dan aman damai tanpa pergaduhan dan perbalahan kerana hidup sandar-menyandar, bagai aur dengan tebing. Ibu bapa kita telah menunjukkan teladan yang baik dengan menghormati bangsa dan agama kaum lain dengan menjaga penggunaan bahasa semasa pertuturan dan tingkah laku agar tidak menyinggung perasaan orang lain sejak kecil lagi kerana melentur buluh biarlah dari rebungunya. Adat tradisi yang diamalkan oleh seseorang individu dapat menonjolkan keunikan yang berbeza. Walaupun Malaysia telah mencapai kemerdekaan sepanjang 53 tahun, namun ia telah mengalami pelbagai cabaran dalam pembangunan negara. Isu perpaduan merupakan salah satu elemen yang signifikan dalam mewujudkan rakyat Malaysia yang unggul. Hal ini dapat dibuktikan dengan seni kata “rakyat hidup bersatu dan maju” yang telah dimasukkan dalam lirik lagu ‘negaraku’. Oleh sebab rakyat Malaysia terdiri daripada pelbagai ras dan kaum serta budaya, kita perlu memecahkan tembok perbezaan kaum dengan mengetepikan isu-isu yang sensitif dan menjalin silaturahim yang erat antara satu sama lain. Contohnya, aktiviti kemasyarakatan seperti gotong-royong merupakan saluran yang efektif dalam menyemai benih perpaduan kerana rakyat dapat bekerjasama untuk menjayakan sesuatu program. Amalan rumah terbuka juga memberi peluang kepada rakyat untuk bergaul dengan kaum lain sempena hari perayaan masing-masing serta memahami budaya dan adat resam sesuatu kaum. Oleh itu, kita haruslah mengamalkan prinsip seperti kata pepatah bersatu kita teguh, bercerai kita roboh dalam kehidupan seharian dengan menghormati orang lain tanpa kira kaum dan agama seseorang individu.

Tambahan pula, rakyat perlulah sentiasa patriotik dan bersyukur kemerdekaan serta kesejahteraan yang kita miliki. Sebagai rakyat Malaysia, kita haruslah mempunyai perasaan bangga dengan kejayaan yang telah dicapai oleh negara dalam pelbagai bidang seperti bidang pengeluaran kereta Nasional bidang pembinaan Menara Berkembar Petronas, bidang sukan dan sebagainya. Kejayaan atlet-atlet sukan yang memenangi kejohanan berjaya menaikkan dan mengharumkan nama Malaysia di persada dunia. Tamsilnya, Dato' Lee Chong Wei dalam bidang badminton dan Dato' Nicol Ann David dalam bidang skuasy yang telah menjadi juara dunia dalam bidang sukan yang mereka ceburi masing-masing. Kita juga perlu berasa syukur atas kemerdekaan yang telah diperjuangkan oleh negarawan yang tersohor. Sebagai contoh, mata pelajaran Bahasa Melayu dan Sejarah perlulah dikuasai sejak bangku sekolah. Mata pelajaran Bahasa Melayu dapat menonjolkan jati diri sebagai rakyat Malaysia yang bangga akan Bahasa Kebangsaan sendiri manakala mata pelajaran Sejarah mampu memberikan rakyat pengetahuan yang lebih mendalam tentang Malaysia. Kita haruslah mengubah tanggapan bahawa sejarah itu catatan kaku dan bisu yang tidak memberi apa-apa sumbangan terhadap pembangunan negara kerana membaca jambatan ilmu. Hal ini dapat menyemarakkan semangat patriotisme rakyat dan mencuba sedaya upaya untuk membangunkan negara. Oleh itu, sebagai rakyat Malaysia, kita haruslah menyertai dan menyokong aktiviti-aktiviti sambutan kemerdekaan yang diadakan demi menghayati erti kemerdekaan.

Lantaran itu, rakyat Malaysia perlulah menumpukan taat setia kepada raja dan negara. Sejarah telah membuktikan bahawa kedaulatan negara tergadai disebabkan rakyat yang tidak taat setia. Sebagai rakyat Malaysia yang bertanggungjawab, kita tidak seharusnya mengkhianati negara sendiri dengan sanggup mengorbankan kedaulatan negara seperti membocorkan rahsia negara kita kepada pihak lain demi kepentingan diri sendiri bagai "enau dalam belukar, melepaskan pucuk masing-masing. Sebagai contoh, semasa Melaka menghadapi serangan portugis pada tahun 1511, terdapat seorang pembelot bernama Si Kitol yang telah memberitahu pihak portugis tentang strategi dan taktik peperangan Melaka. Akibatnya, pihak Portugis berjaya menjajah Melaka. Sekiranya rakyat mencontohi Si Kitol, apakah yang akan terjadi? Sudah tentu rakyat Malaysia akan dipengaruhi oleh anasir-anasir negatif dan seterusnya mengundang campur tangan

kuasa lain. Antara tindakan yang dapat mencerminkan ketaatan ialah berdiri tegak semasa menyanyikan lagu kebangsaan, mempertahankan negara apabila diserang musuh dan sebagainya. Kesetiaan rakyat terhadap raja dan negara mampu menjamin kesejahteraan negara. Oleh itu, selagi ada bulan dan matahari, rakyat perlulah taat setia kepada raja dan negara.

Disingkap dari perspektif lain pula, rakyat Malaysia wajarlah memainkan peranan untuk menyokong dasar-dasar yang telah digubal oleh kerajaan. Dasar negara merupakan satu elemen yang penting dalam menjalankan sistem pentadbiran dan pemerintahan sesebuah negara. Ia berbentuk pelan tindakan bagi mencapai objektif demi kepentingan masyarakat dan negara. Sebagai rakyat Malaysia yang bertanggungjawab, kita haruslah memberi sokongan dalam menjayakan dasar-dasar yang telah digubal oleh kerajaan. Berdasarkan Berita Harian, Malaysia kini telah memberi tumpuan kepada Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12) 2021-2025. Namun, pembentangan rangka RMKe-12 terpaksa ditangguhkan atas beberapa perubahan yang perlu dilakukan supaya dapat meningkatkan kerelevanan strategi dan objektifnya mampu dicapai. Antara salah satu sebab penangguhan ini adalah disebabkan Covid-19 yang merebak di Malaysia pada akhir tahun 2019 mengakibatkan ekonomi negara terjejas. Walau bagaimanapun, dimaklum bahawa strategi RMKe-12 menggariskan hala tuju besar negara, iaitu Wawasan Kemakmuran Bersama (WKB) 2030 dan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG). Selain daripada dua hala tuju utama ini, Dasar Keusahawanan Nasional, Dasar Perpaduan Negara dan Rangka Tindak Ekonomi Digital Malaysia serta MyDIGITAL juga diambil kira dalam RMKe-12 ini. Oleh itu, segala strategi memerlukan perancangan yang rapi dan mengambil kira semua cabaran dan masalah yang mungkin dihadapi serta menyediakan jalan penyelesaian yang sewajarnya kerana tiada penyakit yang tiada penawarnya. Sekiranya rakyat tidak memberi sokongan, sudah tentu dasar-dasar kerajaan ini akan menemui jalan kebuntuan. Namun begitu, terdapat segelintir rakyat mengutuk keberkesanan dasar-dasar kerajaan yang akan menjejaskan pembangunan negara. Bidalan kata bahawa, “bulat air kerana pembentung, bulat manusia kerana muafakat”, rakyat haruslah berganding bahu dengan pemimpin negara untuk memajukan negara serta menjamin kesejahteraan Malaysia.

Sebagai akhirulkalam, sebagai rakyat Malaysia, kita perlu berganding bahu dengan mengamalkan konsep pepatah ibarat ke bukit sama didaki, ke lurah sama dituruni dengan menggalas tanggungjawab masing-masing untuk meningkatkan kecemerlangan Malaysia ke bergemerlapan di mata dunia. Sudah terang lagi bersuluh, rakyat Malaysia mempunyai banyak tanggungjawab dalam bidang politik, ekonomi dan juga sosial. Walau bagaimanapun, kita tidak dapat meramal apa yang akan terjadi pada masa hadapan kerana semua ini adalah pada kekuasaan Tuhan Yang Esa. Oleh itu, demi menghadapi cabaran yang luar jangkaan, kita perlu menyediakan payung sebelum hujan supaya tidak ditimpa malang yang tidak diduga seperti kata pepatah sudah terhantuk baru nak terngadah. Rakyat Malaysia patutlah menggembleng tenaga tanpa prejudis ataupun sebarang konspirasi demi menjamin kesejahteraan dan keharmonian negara. Negara Malaysia tidak akan maju sekiranya rakyatnya mengamalkan tabiat ‘tidak kisah’ dalam sanubari majoriti rakyat. Seperti yang dikatakan oleh bekas Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Najib Bin Tun Abdul Razak, “kita berfikir, berdiri dan bertindak sebagai satu bangsa Malaysia.” Oleh itu, kita haruslah membangkitkan slogan “rakyat didahulukan, pencapaian diutamakan” demi melestarikan kesejahteraan Malaysia.” Apa yang ingin dilihat ialah semangat patriotisme yang mekar dalam hati setiap rakyat Malaysia dan memperkukuhkan lagi semasa Sambutan Hari Kebangsaan pada setiap tahun. Sebelum tinta mengakhiri kata, hayatilah serangkap pantun di bawah:

31 Ogos Tarikh Keramat,
Bersama kita Menyambut Merdeka,
Bersatu Berazam Penuh Semangat,
Mari Pertahankan Kemerdekaan Kita.

Sambutlah Hari Kemerdekaan tahun 2021 ini dengan norma baru, lebih bersemangat dan jiwa yang penuh semangat patriotisme! Selamat Menyambut Hari Kemerdekaan Ke-64! Merdeka! Merdeka! Merdeka!